

[Berita](#) | [Rencana](#) | [Hiburan](#) | [Bisnes](#) | [Sukan](#) | [Mega](#) | [TV Utusan](#) | [Lagi..](#)

[Berita](#) > [Nasional](#) | [Terkini](#) | [Utama](#) | [Kota](#) | [Politik](#) | [Parlimen](#) | [Wilayah](#) | [Luar Negara](#) | [Jenayah](#) | [Mahkamah](#) |

PH tidak abai Pantai Timur – Wan Azizah



DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL mendengar penerangan daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ir. Dr. Md. Nasir Md. Noh (kanan) sewaktu mengadakan lawatan ke Projek Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) Tambatan Diraja Sungai Keladi di Kota Bharu, Kelantan, semalam. - BERNAMA

Azran Fitri Rahim

pengarang@utusan.com.my

05 November 2018 3:00 AM

KOTA BHARU 4 Nov. - Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak mengabaikan negeri-negeri Pantai Timur dalam Belanjawan 2019 biarpun diperintah oleh pembangkang, kata Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, tidak perlu mana-mana pihak membuat andaian terhadap belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada Jumaat lalu.

Menurutnya, pembangunan di ketiga-tiga negeri tersebut berjalan dengan baik berdasarkan taklimat yang diberikan oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

“Saya baru diberi taklimat oleh ECER, memang bagus saya kira Menteri Besar Kelantan, Terengganu dan Pahang menunjukkan tahap yang lebih baik, tidak ada apa-apa untuk abaikan Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat persediaan menghadapi banjir di negeri-negeri Pantai Timur di Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Kelmarin Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menyifatkan pembentangan Belanjawan 2019 tidak seimbang dari segi pembangunan terutama membabitkan negeri-negeri di wilayah Pantai Timur.

Tuan Ibrahim dilaporkan berkata, hal demikian ini kerana hampir tidak ada satu pengumuman dibuat menyentuh agenda besar di negeri-negeri Pantai Timur.

Ketika diminta mengulas mengenai bantuan musim tengkujuh terhadap penduduk yang tidak terjejas banjir di Pantai Timur, Wan Azizah berkata, perkara tersebut sedang dikaji kerana pada masa kini tumpuan diberikan terhadap masalah bencana alam terlebih dahulu.